

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
[ SIBUTI ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2014 (SELASA).**

**SOALAN**

**YB Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan :-**

- (a) adakah pihak kerajaan mempunyai pelan perancangan terperinci berkenaan untuk sistem pengangkutan awam bagi bandaraya-bandaraya utama seluruh Malaysia termasuk Wilayah Sarawak; dan
- (b) adakah pihak kerajaan bercadang untuk memperkenalkan sistem bas rapid seperti Rapid Kuantan dan Rapid Penang untuk Sarawak.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) telah menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara dan telah pun diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 16 Oktober 2013.

2. Pelan ini telah mengambilkira keperluan bandar-bandar serta kawasan luar bandar. Bagi keperluan bandar, pelan ini telah menetapkan sasaran 40% penggunaan mod pengangkutan awam dan telah mengenalpasti beberapa inisiatif bagi meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan pengangkutan awam darat.

3. Salah satu inisiatif utama adalah penambahbaikan perkhidmatan sistem bas henti-henti di seluruh Malaysia. Untuk makluman, perancangan rapi penambahbaikan rangkaian bas henti-henti di Kuching sedang dijalankan dan dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2015.

Sekian, terima kasih.